

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Alam Sekitar
Sent: Monday, 13 March, 2017 3:16 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Nurhazani Bt Mohd Shariff; Johan Afendi Bin Ibrahim; Dr. Kamal Izzuwan bin Ramli; Yus Asma Bt Yusoff
Subject: KUNJUNGAN DUA DELEGASI JAPAN-MALAYSIA ASSOCIATION KE PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ALAM SEKITAR (PPPPHAS)



**Pusat Pengajian Pengurusan
Pelancongan, Hospitaliti
dan Alam Sekitar**

SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY,
AND ENVIRONMENTAL MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato’/Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan.



KUNJUNGAN DUA DELEGASI JAPAN-MALAYSIA ASSOCIATION KE PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ALAM SEKITAR (PPPPHAS)

PPPPHAS 9 MAC 2017. Pusat Pengajian telah menerima kunjungan dua delegasi dari Japan – Malaysia Association, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari Jepun iaitu Mr. Takuji Arai dan Mr. Shunsuke Okano. Kedua-dua mereka juga merupakan pensyarah di negara Jepun. Mr. Takuji Arai mengajar di dua universiti iaitu Bunkyo University serta Nihon University dalam Bahasa Melayu manakala Mr. Shunsuke Okano adalah pensyarah dalam bidang Hospitaliti dan Pelancongan dari Kyorin University.

Sebenarnya ini adalah merupakan kunjungan kali kedua ke UUM bagi Mr. Arai yang telah mempunyai hubungan dengan UUM Press sebelum ini. Menurut Mr. Arai yang fasih berbahasa Melayu, beliau telah membuat banyak kerja-kerja terjemahan buku termasuk buku-buku keluaran UUM Press, dari bahasa Melayu ke bahasa Jepun di sepanjang penglibatan beliau dengan badan NGO tersebut.

Kunjungan mereka ke UUM di bawah tiket Japan – Malaysia Association bertujuan untuk meninjau peluang-peluang mengadakan kerjasama dalam bidang hospitaliti serta pelancongan, pertukaran pelajar UUM-Kyorin University, serta menawarkan tempat-tempat kepada pelajar UUM yang ingin mengadakan internship di Jepun. Ini memandangkan Mr. Shunsuke Okano turut merupakan ahli kepada Japan Travel Bureau (JTB) yang merupakan sebuah badan bertanggungjawab dalam hal-ehwal pelancongan berpusat di Hokkaido, Jepun.

Kedua-dua delegasi tersebut disambut oleh Ketua Jabatan PPPHAS iaitu Dr. Kamal Izzuwan Ramli yang mewakili Dekan Pusat Pengajian dan Ketua Penolong Pendaftar, Puan Yus Asma Yusoff di Anjung Tamu. Turut meraikan ialah wakil dari UUM Press, Pn. Hjh Umi Sofian dan Pengarah Pusat Hal Ehwal Kerjasama Antarabangsa (CIAC), Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi yang sama-sama mengiring semasa melakukan kunjungan hormat ke pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Satu perbincangan dua hala telah turut diadakan di Bilik Mesyuarat STHM yang melibatkan lebih ramai staf akademik PPPHAS dengan dipengerusikan oleh Dr. Kamal Izzuwan Ramli. Hasil rumusan perbincangan tersebut tercapai dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan satu bentuk perjanjian berdokumen, namun akan diperincikan dalam tempoh yang terdekat bagi menentukan sama ada JTB atau Kyorin University merupakan pihak yang bersesuaian dari Jepun.

Tamat.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ALAM SEKITAR

College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.